




HUSIN HOURMAIN MENCARI IMAN DALAM SENI

Teks dan foto: Mulyadi Mahamood

Aspek kerohanian dan keislaman menjadi teras pengkaryaan yang penting bagi kebanyakan seniman Melayu-Islam di Malaysia. Berbeza daripada pengucapan visual kesenian tradisional yang lazimnya seragam dalam mengungkapkan estetika dan pandangan kolektif terhadap nilai ketuhanan dan kerohanian, pendekatan gaya pelukis kontemporari dilihat lebih bersifat peribadi dan pelbagai dalam menterjemahkan persepsi dan komitmen diri terhadap kebesaran Tuhan. Hal ini dapat dilihat dalam karya-karya pelukis penting negara sejak dekad 1970-an lagi, seperti Syed Ahmad Jamal, Sulaiman Esa, Ahmad



Husin Hourmain di studionya.

Khalid Yusof, Sharifah Fatimah Zubir, Ponirin Amin, Zakaria Awang, Ruzaikha Omar Bassaree, Khatijah Sanusi dan Awang Damit Ahmad.

Pendekatan kerohanian seumpama ini kini dapat dihayati juga dalam karya-karya pelukis abstrak kontemporari Husin Hourmain, khususnya menerusi dua siri pentingnya "Awal Hurouf Asal Hurouf" (2013) dan "Aku: Dalam Mencari Rukun" (2017 hingga kini). Pelukis kelahiran Perak ini telah mengadakan empat pameran solo, "ENERGY" (Galleriizu, 2004); "Zero to Something, Zero to Nothing" (PACE Gallery, 2008); "Awal Hurouf Asal Hurouf" (Core Design Gallery, 2013); dan "Aku: Dalam Mencari Rukun" di Balai Seni Negara (2018).

Kemunculan Husin Hourmain dalam landskap seni lukis kontemporari Malaysia telah memperkayakan pengucapan kesenian berteraskan kerohanian dan keislaman di negara ini, terutamanya dari sudut pendekatan abstrak dan inovasi dalam seni khat dan jawi. Dalam konteks ini, Husin telah melanjutkan tradisi yang dirintis beberapa nama besar dalam seni kontemporari Islam tempatan, seperti Syed Ahmad Jamal, Omar Bassaree, Abdul Ghafar Ibrahim dan Ahmad Khalid Yusof.

Secara umumnya, kesenian Islam menghubungkan cabang kebudayaan itu dengan aspek keagamaan, kerohanian, keimanan dan ketuhanan. Dalam konteks ini, kesenian tidak terpisah daripada agama, malahan memperkukuhkan kefahaman tentang agama. Menurut Faruqi dalam *Atlas Budaya Islam*, seni peradaban Islam perlu juga dilihat sebagai pernyataan estetik

yang berasaskan Al-Quran. Aspek budaya Islam ini mempunyai sifat Al-Quran dari segi asas dan motivasi. Begitulah juga seni peradaban Islam haruslah dilihat sebagai ungkapan estetika yang sama bentuknya dan pelaksanaannya. Sesungguhnya kesenian Islam ialah kesenian Al-Quran.

Dalam konteks seni kontemporari Malaysia, pendekatan ini dijemakan menerusi pengolahan gaya abstrak yang berasaskan rupa bentuk dan corak geometri ataupun sapuan catan warna yang organik, yang satu begitu terkawal dan skematik rupanya, sementara yang satu lagi lebih beritma dan ekspresif. Meskipun begitu, kedua-duanya bertujuan mewujudkan suasana kontemplasi yang memperkukuh wawasan khalayak terhadap kewujudan dan kebesaran Tuhan. Pendekatan abstraksi dan pengucapan geometri oleh para pelukis ini umumnya menafikan naturalisme dalam seni bernafaskan keislaman. Dalam konteks ini, karya-karya Husin Hourmain juga menampilkan pendekatan yang sedemikian.

Menurut Faruqi dalam *Islam and Art*, dalam kesenian Islam, beberapa ciri asas ekspresi nilai estetik terhadap tauhid terbina menerusi pengolahan abstraksi, struktur modular, perulangan, dinamisme dan kehalusan dalam seni. Kesemuanya ini membentuk tiga kaedah besar seni Islam iaitu penggayaan, tidak individualistik dan konsep pengulangan. Ketiga-tiganya menjadi wahana penyampai mesej Islam dalam karya seni. Penggayaan bermaksud pengubahsuaian sesuatu bentuk alam semula jadi kepada tidak semula jadi. Tidak individualistik pula bermakna tiada penekanan pada persoalan personaliti atau individu. Konsep pengulangan pula bertindak sebagai penyokong kepada kedua-dua konsep tersebut.

Rentetan dasar pendekatan formalistik kesenian Islam yang berasaskan kaedah penggayaan, pengubahan sifat semula jadi dan pengulangan subjek ini telah menghasilkan imejan yang




Alif, akrilik, 198cm x 198cm, 2009.

bersifat separa abstrak dan abstrak. Secara umumnya, motif dalam kesenian Islam dijemakan menerusi khat, bentuk dan corak geometri, ragam hias berasaskan alam semula jadi dan bentuk abstrak. Husin Hourmain sejak awal penglibatannya telah mengambil kira prinsip sedemikian.

Dalam konteks seni Islam, seni khat mempunyai kedudukan yang tinggi kerana berhubung langsung dengan keindahan ayat suci Al-Quran. Rujukan terhadap khat dan jawi sebagai motif pula memperkukuhkan pengucapan bahasa abstrak yang menunjangi kesenian Islam. Karya seni khat lazimnya memiliki kekuatan bentuk dan makna. Keindahan bukan sahaja dapat dihayati menerusi kehebatan tulisan, malahan menerusi mesej dan makna yang ingin disampaikan pelukis. Berdasarkan kefahaman ini, Husin Hourmain telah berusaha untuk melakukan inovasi serta pembaharuan dalam karya-karyanya yang berteraskan khat dan tulisan jawi.

Husin Hourmain meneroka keindahan dan keunikan seni tulisan dalam siri pentingnya "Awal Hurouf Asal Hurouf" dan hal ini menjadi asas serta pemangkin kepada karya terkemudiannya yang tebal dengan nafas kerohanian dan keislaman. Menurut Husin, siri karyanya yang berasaskan huruf-huruf jawi seperti *Alif* (2009), *Jim* (2011) dan lainnya mengimbau zaman kanak-kanaknya sewaktu mula belajar membaca Al-Quran.

Dalam konteks ini, membaca menjadi asas pencarian ilmu yang penting dan bagi seorang pelukis, malah manusia, "membaca" wajar dilihat dalam konteks yang lebih luas, iaitu membaca huruf, ayat dan alam untuk memahami dan menghayati kebesaran Tuhan. Sebagaimana dihasilkannya dalam catan, *lqra* menjadi subjek yang penting, malah dalam kalangan pelukis penting terdahulu, seperti Omar Bassaree, Syed Ahmad Jamal, Ahmad Khalid Yusof, dan Omar Rahmat. Hubungan seni dan



The Cube, media campuran, 239cm x 234cm, 2014. (Koleksi Dato' Mohamed Nazim Razak)




Tumpang Berteduh: Hijrah..., media campuran, 214cm x 153cm, 2017.

tulisan dengan konsep "membaca" itu tidak dapat dipisahkan, malah tulisan itu sendiri merupakan seni, sebagaimana pernah disebut Seniman Negara Datuk Syed Ahmad Jamal, "Tulisan juga bermakna lukisan - seperti batik tulis tangan yang dilukis dengan tangan berbeza dengan batik yang dicap", sementara khat dan kaligrafi merupakan seni tulisan yang indah.

Dalam "Awal Hurouf Asal Hurouf", Husin memfokuskan kepada setiap huruf dalam sistem tulisan Jawi, daripada karya *Alif* hingga *Ya*. Dalam siri karya ini, huruf yang dijadikan subjek berada di bahagian tengah karya sebagai fokus utama, dikelilingi pula oleh huruf Jawi lain yang terapung dalam ruang permukaan catan, sebagai latar dan ada dalam sesetengah karya saling bertindan dan berulang. Husin dengan jelas memanipulasikan konsep dan pendekatan formalistik seni Islam yang berteraskan pengayaan dan pengulangan; berulang-ulang, bagaikan orang yang berzikir. Karya medium akrilik atas kanvas ini kelihatan hidup dengan sajian warna-warna panas, cerah dan segar, lebih ekspresif berbanding pelukis sebelumnya.

Dalam seni lukis moden Malaysia, kecenderungan menjadikan Jawi sebagai subjek dan elemen komposisi karya telah diterokai oleh Syed Ahmad Jamal, Omar Bassaree, Ahmad Khalid Yusof, Abdul Ghafar Ibrahim dan Ponirin Amin, dan kemudiannya dilihat juga dalam karya-karya Yusof Ghani, Awang Damit Ahmad, Mohd Jamil Mat Isa, dan Husin Hourmain sendiri serta para pelukis lain. Namun begitu, yang paling signifikan dan menjadi pelopor ialah karya Syed Ahmad Jamal berjudul *Tulisan*



Yang Kanan, Yang Kiri: pencatat Amal Baik dan Buruk..., media campuran, 214cm x 153cm, 2017.

(1961) dan Ahmad Khalid Yusof seperti *Alif Ba Ta* (1971) dan *Opposition* (1993).

Ahmad Khalid Yusof telah memberikan nafas baharu kepada Jawi dalam konteks seni moden negara ini bukan semata-mata sebagai elemen komposisi, tetapi juga menjelmakan nafas keislaman dalam karya-karyanya rentetan pencarian identiti nasional pasca Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971. Karya-karyanya meletakkan Jawi dalam konteks berbeza daripada kebiasaan dalam budaya literasi membaca dan kesusasteraan kepada literasi membaca visual. Inovasi Ahmad Khalid ini dijelmakan semula dalam karya Husin Hourmain dalam pengolahan yang lebih ekspresif dan abstrak dalam siri "Awal Hurouf Asal Hurouf".


Rentetan daripada "Awal Hurouf Asal Hurouf", lahirlah siri "Aku: Dalam Mencari Rukun" yang lebih peribadi sifatnya. Berdasarkan Rukun Iman, siri karya ini terhasil bagaikan cerminan diri Husin dalam mencari keredaan Tuhan dalam kehidupannya dan "pencarian" itu diterjemahkan secara visual bagi tatapan dan penghayatan khalayak. Pelbagai lakaran dihasilkan di samping catatan perjalanan yang turut menyumbang kepada pembentukan idea, konsep dan penterjemahan visual. Praktis seninya yang merangkumi lakaran, lukisan, eksperimentasi media, olahan Jawi dan kaligrafi menyumbang kepada pembentukan siri baharu ini.

"Aku: Dalam Mencari Rukun" bagaikan suatu perjalanan atau kembara jiwa yang diterjemahkan secara visual terhadap Rukun Iman yang mesti dipercayai dan dipegang oleh umat Islam, iaitu percaya dan beriman kepada Allah, para malaikat, kitab, nabi dan

rasul, hari akhirat serta Qada' dan Qadar. Di samping Rukun Islam, inilah asas yang membina insan mulia. Siri karya ini semacam suatu dialog diri yang mempersoalkan kedudukan pelukis dalam konteks hubungan dan keimanannya terhadap Tuhan dan agama, justeru bersifat begitu peribadi.

Selain daripada membuat lakaran dan penelitian yang banyak, Husin mempertimbangkan pelbagai bentuk tata bahasa visual yang sesuai bagi mengungkapkan pemikirannya, termasuklah dari sudut pemilihan subjek, media, simbol, pengolahan formalistik dan komposisi, serta warna yang lebih suram berbanding siri awal dalam menterjemahkan nilai kerohanian itu. Elemen kontras dimainkannya, bagi menunjukkan perbezaan yang positif dan negatif, yang gelap dan terang, dengan cerah mencerminkan *nur* atau cahaya keimanan. Bentuk hati, kiub, pelbagai mutu garis dan kaligrafi menterjemahkan "rupa dan jiwa" dirinya, seperti dilihat dalam *Tumpang Berteduh: Hijrah...* (2017), *Roh Yang Berzikir: Kiblat Dalam Hati...* (2017), dan *Yang Kanan, Yang Kiri: Pencatat Amal Baik dan Buruk...* (2017).


Karya Husin Hourmain *Tumpang Berteduh: Hijrah...* juga bersifat begitu peribadi. Dalam konteks ini, hubungan cahaya dengan konsep keimanan terpancar menerusi penampilan elemen positif dan negatif; kontras antara yang gelap dan terang. Warna gelap di bahagian hadapan catan bergerak ke latar belakang yang lebih cerah dan bercahaya, luas dan lapang, bagaikan cerminan kepada suatu penghijrahan daripada kekusutan kepada ketenangan. Husin juga merakam pengalamannya merantau ke Timur Tengah; suatu penghijrahan dan perjalanan mencari diri.



Roh Yang Berzikir: Kiblat Dalam Hati..., media campuran, 214cm x 153cm, 2017.

Karya Husin Hourmain, *Roh Yang Berzikir: Kiblat Dalam Hati...* (2017), bagaikan menterjemah dan menjunjung hakikat bahawa alam ini dan keseluruhan makhluk adalah milik Tuhan, sebagaimana tercatat dalam Al-Quran; "Segala yang ada di langit dan di bumi tetap mengucap tasbih kepada Allah; dan Dialah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Dialah sahaja yang menguasai dan memiliki langit dan bumi; Ia menghidupkan dan mematikan; dan Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. Dialah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. Dialah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, kemudian Ia bersemayam di atas 'Arasy; Ia mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya; dan apa yang diturunkan dari langit serta apa yang naik padanya. Dan Ia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada. Dan Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan" (Surah Al-Hadiid ayat 2 hingga 5).

Seperti banyak pelukis Melayu-Islam lain di negara ini, bagi Husin Hourmain, kesenian menjadi wadah memanifestasikan pegangan dan kefahaman sendiri terhadap kebesaran Tuhan dan pada masa yang sama mengundang penghayatan khalayak terhadap perkara yang baik serta kontemplasi terhadap kesucian agama dan keagungan Tuhan. Dalam konteks ini, Husin Hourmain bagaikan "mencari iman" dalam kerja-kerja seninya, dan pada masa yang sama memperkayakan pengucapan visual kerohanian dan keislaman dalam seni kontemporari Malaysia.



Wahyu-wahyu Kecil: Ilham..., media campuran, 214cm x 153cm, 2017.